

JABATAN OTORINOLARINGOLOGI

PENGENALAN

Jabatan ORL HRPZ II terletak di bangunan lama bersebelahan Jabatan Farmasi dan pintu utama ke wad-wad. Merupakan klinik rujukan pesakit-pesakit ORL dari seluruh Negeri Kelantan. Berpindah ke tempat baru apabila bangunan ACC telah siap.

KETUA JABATAN



Dr Zulkiflee Bin Salahuddin
Pakar Perunding ORL(Gred Jusa Khas C)

MISI

Berusaha untuk meningkatkan taraf kehidupan pesakit yang bermasalah telinga, hidung dan tekak dengan mempercepatkan pengesanan dan rawatan pada peringkat awal dengan menggunakan kemudahan yang ada serta pemulihan awal bagi mereka yang kurang pendengaran dan masalah pertuturan.

VISI

Kami ingin memastikan perkhidmatan ORL di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu bermutu dan berkualiti serta mengamalkan prinsip-prinsip masyarakat penyayang.

OBJEKTIF JABATAN

1. Berusaha untuk meningkatkan taraf kehidupan pesakit yang mempunyai masalah telinga, hidung dan tekak melalui cara-cara berikut;
 - Mempercepatkan pengesanan serta pengurusan rawatan penyakit pada peringkat awal.
 - Pemulihan awal bagi mereka yang kurang pendengaran, masalah pertuturan dan bahasa.
2. Sebagai pusat rujukan dari hospital-hospital lain, klinik-klinik kesihatan, klinik swasta dan lain-lain klinik pakar Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu.
3. Sebagai pusat kajian dan latihan didalam bidang ORL kepada pegawai perubatan, calon-calon sarjana perubatan ORL, pelatih perubatan dan paramedik.

KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN YANG DISEDIAKAN

1. Klinik Pesakit Luar

Klinik ORL memberi perkhidmatan kepada pesakit ORL yang dirujuk dari jabatan-jabatan lain HRPZ II dan rujukan luar seperti hospital-hospital daerah, klinik-klinik kesihatan serta dari klinik swasta.

Klinik pesakit luar beroperasi pada hari Ahad, Isnin dan Selasa manakala hari Rabu dan Khamis untuk kes-kes kecemasan. Pembedahan pesakit ORL dilakukan pada hari Rabu dan Khamis di Dewan Bedah Fairuz.



Pemeriksaan Pesakit di Klinik ORL

2. Rawatan Pesakit Dalam

Pesakit ORL yang perlu kemasukan wad akan dimasukkan ke Wad Melati (dewasa) Anggerik (Kanak-kanak). Jumlah katil yang diperuntukan kepada pesakit ORL sebanyak 11 katil iaitu 10 katil di Wad Melati dan 1 katil di Wad Anggerik tetapi kemasukan pesakit mengikut keperluan. Wad Melati dan Wad Anggerik merupakan wad multiple disiplin dimana Wad Melati berkongsi dengan Jabatan Oftalmologi dan Jabatan Pergigian manakala Wad Anggerik adalah untuk pesakit kanak-kanak (pembedahan, otopedik, plastic, ORL, O&G dan pergigian)

3. Perkhidmatan Pemulihan Perubatan (Audiologi)

- ✓ Klinik Audiologi Umum Dan Klinik Audiologi Pediatrik
Menjalankan ujian-ujian seperti :
 - a) **Distraction**
Menentukan tahap pendengaran pesakit (sejak lahir-6 bulan)
 - b) **Visual Reinforcement Audiometry (VRA)**
Menentukan tahap pendengaran bagi pesakit kanak-kanak (6 bulan – 2 ½ tahun)
 - c) **Play Audiometry**
Menentukan tahap pendengaran bagi pesakit kanak-kanak (2 ½ tahun – 6 tahun)
 - d) **Pure Tone Audiometry**
Menentukan tahap pendengaran bagi pesakit dewasa (7 tahun – dewasa)
 - e) **Tympanometry & Acoustic Reflex**
Menentukan status telinga tengah dan otot stapedius
 - f) **Otoacoustic emission (pancaran otoakustik)**
Menentukan status koklea dan untuk saringan pendengaran bayi
 - g) **ABR (auditory brainstem evoked response)**
Menentukan tahap pendengaran bayi, kanak-kanak dan orang dewasa sekiranya tidak dapat diperolehi melalui ujian tingkahlaku
- ✓ Klinik Saringan Pendengaran Bayi berisiko Tinggi
- ✓ Klinik Saringan Pendengaran Pesakit Thalassemia Dan Tibi
- ✓ Klinik Amplifikasi Alat bantu Pendengaran Dan Aural Rehabilitasi
- ✓ Klinik Pemetaan Implan Koklea Dan Aural Rehabilitasi
- ✓ Sesi Percubatan Alat Bantu Pendengaran Dan Tinnitool



Pegawai audiologi sedang memeriksa pesakit dan menguji tahap pendengaran pesakit

4. Perkhidmatan Pemulihan Perubatan (Pertuturan)

- A) Menyediakan khidmat saringan awal, membuat penilaian, diagnosis, intervensi, khidmat konsultasi dan kaunseling kepada pesakit;
- a) Lambat pertuturan dan bahasa
 - b) Gagap
 - c) Kecelaruhan antikusasi
 - d) Kecelaruhan neurologi
 - e) Masalah suara dan konsonan
 - f) Masalah pendengaran
 - g) Bibir lelangit bercelah (sumbing)
 - h) Ketidakmampuan fizikal
- B) Memberi latihan cara-cara membantu pemulihan pesakit kepada kepada ibubapa, penjaga, guru dan professional lain yang berkaitan.
- C) Memberi latihan praktikal kepada pelajar patologi pertuturan



Sesi terapi pertuturan oleh pegawai pemulihan pertuturan

5. Lawatan Pakar ke Hospital Daerah

Jabatan ORL HRPZ II memberi perkhidmatan kepakaran di semua hospital daerah di Negeri Kelantan.

- a) Hospital Tengku Anis, Pasir puteh
 - Lawatan pada hari Isnin minggu ke-2 setiap bulan oleh pakar ORL, pegawai perubatan dan pegawai audiologi.
- b) Hospital Machang
 - Lawatan pada hari Ahad minggu ke-2 setiap bulan oleh pakar ORL, pegawai perubatan dan pegawai audiologi.
- c) Hospital Kuala Krai
 - Lawatan pada hari Isnin minggu ke-3 & 4 setiap bulan oleh pakar ORL dan pegawai perubatan.
 - Lawatan oleh pegawai audiologi dan pegawai pertuturan pada minggu ke-3 pada setiap bulan.

- d) Hospital Tanah Merah
 - Lawatan pada hari Isnin minggu pertama dan ke-2 setiap bulan oleh pakar ORL, pegawai perubatan, pegawai audiologi dan pegawai pertuturan. Pembedahan dilakukan pada hari Ahad minggu pertama
- e) Hospital Pasir Mas
 - Lawatan pada hari Ahad minggu ke-3 setiap bulan.
- f) Hospital Tumpat
 - Lawatan pada hari Ahad minggu pertama setiap 2 bulan.
- g) Hospital Jeli
 - Lawatan pada hari Ahad minggu ke-4 setiap bulan.
- h) Hospital Gua Musang
 - Lawatan pada hari Ahad minggu pertama setiap 2 bulan.

6. Perkhidmatan Sub Kepakaran

Jabatan ORL memulakan perkhidmatan sub kepakaran otologi bermula akhir tahun 2008. Sehingga akhir tahun 2012 Jabatan ORL HRPZ II telah melakukan sebanyak 25 pembedahan untuk Implant Koklea bagi pesakit yang mengalami masalah pendengaran. Harga satu koklea implant adalah melebihi RM 70,000.00 yang ditanggung oleh kerajaan. Jabatan ORL HRPZII merupakan hospital satelit bagi pasukan pembedahan implant Koklea- KKM Zon Pantai Timur, yang turut meliputi Negeri Sabah dan Serawak .



Sesi penerangan tentang pengedaran dan penjagaan alat implant koklea kepada pesakit dan ibubapa pesakit



Pakar sedang memasang koklea implant kepada pesakit semasa sesi pembedahan

Jabatan Otorinolaringologi telah mengadakan perkhidmatan sub kepakaran Pediatrik Otorinolaringologi bermula Mei 2012 setelah seorang pakar bidang berkaitan telah tamat pengajian beliau. Perkhidmatan sub kepakaran Rhinologi dirancang akan diadakan apabila seorang pakar ORL yang sedang mengikut pengajian lanjutan dalam bidang Rhinologi tamat latihan.

JADUAL KLINIK

Klinik ORL beroperasi bermula pukul 7.30 pagi sehingga 5.30 petang. Jadual aktiviti klinik adalah seperti berikut;

HARI	AKTIVITI
Ahad	Klinik Otorinolaringologi, Pemeriksaan audiologi dan terapi pertuturan
Isnin	Klinik Otorinolaringologi, Pemeriksaan audiologi dan terapi pertuturan
Selasa	Klinik Otorinolaringologi, Pemeriksaan audiologi dan terapi pertuturan
Rabu	Pembedahan, kes-kes kecemasan ORL, Pemeriksaan audiologi dan terapi pertuturan
Khamis	Pembedahan, kes-kes kecemasan ORL, Pemeriksaan audiologi dan terapi pertuturan

NOMBOR TELEFON

Bil	Tempat	No. Telefon
1	Kaunter Klinik	09-7453276
2	Ketua Jabatan, Pakar Perunding Otologi (Dr Zulkiflee)	09-7452021
3	Pakar Perunding ORL Pediatrik (Dr Hashimah	09-7452383
4	Pakar Perunding Rhinologi (Dr Rosdi)	09-7452654
5	Pakar ORL (Dr Nazim)	09-7452377
6	Pakar ORL (Dr Afiza)	09-7452378
7	Pakar ORL (Dr Ali)	09-7452382
8	Pegawai Perubatan	09-7452379
9	Penyelia (PPP U 32)	09-7452381
10	Pegawai Audiologi	09-7452651
11	Pegawai Pemulihan Pertuturan	09-7452653

AKTIVITI JABATAN

1.1 Latihan

Jabatan ORL HRPZ II merupakan pusat pembelajaran bagi pelajar-pelajar sarjana , pelajar perubatan, pelajar pemulihan perubatan (pendengaran), pelajar pemulihan perubatan (pertuturan) dan paramedik didalam bidang Otorinolaringologi.



Pegawai pertuturan sedang menilai pelatih pegawai pertuturan melakukan terapi kepada pesakit

1.2 Kursus

Jabatan ORL menganjurkan sebanyak 6 kursus pada setiap tahun :

- a) Kursus ENT Updated peringkat Negeri Kelantan
- b) Kursus Penjagaan trakeostomi siri 1 (peramedik)
- c) Kursus Penjagaan trakeostomi siri 2 (pegawai perubatan)
- d) Kursus Vertigo
- e) Kursus penyaringan pendengaran dan pertuturan & bahasa untuk kanak-kanak peringkat Negeri Kelantan
- f) Bengkel kumpulan sokongan ibubapa untuk kanak-kanak bermasalah pendengaran



Penceramah dan peserta dalam sesi kursus yang dianjurkan oleh Jabatan ORL HRPZ

1.3 Latihan Praktikal

Latihan praktikal tentang penjagaan trakeostomi untuk jururawat yang bertugas di wad HRPZ II. Latihan ini diadakan setiap 2 bulan pada petang hari Rabu minggu ke-4. Latihan ini bertujuan meningkatkan kemahiran jururawat dalam penjagaan dan penukaran trakeostomi pesakit serta mengurangkan rujukan ke klinik ORL.



Penolong pegawai perubatan sedang memberi penerangan tentang penjagaan trakeostomi kepada jururawat